



Seorang penduduk meredah banjir ketika melintasi jalan di hadapan Masjid Al Ubudiah Batang Kali.

Sinar 8/5/12 ms 14.

Banjir terburuk sejak 11 tahun

Lebih 14 kampung, 3,000 penduduk terjejas

an hakisan tebing sehingga mengakibatkan sebuah jambatan di Hulu Yam condong dan hampir roboh.

Menurutnya, punca banjir itu dipercayai akibat taburan hujan yang tinggi dan berterusan sejak malam tadi.

“Kita meminta keluarga yang terlibat supaya bersabar dan mengambil langkah berwaspada bagi mengelak kejadian tidak diingini.

“Bantuan makanan dan wang tunai turut diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pejabat Daerah Hulu Selangor (PDHS),” katanya.

Sementara itu, beliau berkata keadaan air mula surut sekitar jam 3 petang semalam dan kesemua mangsa yang dipindahkan telah kembali ke rumah masing-masing setelah keadaan disahkan selamat.

“Kita telah mengarahkan semua ketua kampung supaya menyenaraikan jumlah kerugian mangsa terlibat untuk memberikan bantuan susulan.

“Agensi berkaitan turut dikerah untuk menjalankan siasatan terperinci mengenai punca kejadian ini dan langkah mengatasinya,” katanya.

Kaji sungai, sistem perparitan

agensi berkaitan akan terus bersedia dalam tempoh 24 jam bermula semalam hingga tempoh dua minggu.

Menurutnya, bantuan kepada mangsa banjir disalurkan sejak semalam dan beliau menggesa mangsa terlibat khususnya petani dan penernak supaya melaporkan jumlah kerugian dan beliau akan cuba mendapatkan bantuan.

Katanya, Majlis Keselamatan Negara (MKN) juga bersedia memberi kerjasama bagi menyalurkan bantuan berkaitan.

Mangsa naik bumbung selamatkan diri

KEBANYAKAN mangsa banjir buruk semalam berdepan dengan detik mencemaskan sehingga ada yang terpaksa menaiki bumbung untuk menyelamatkan diri.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP), Kampung Genting Malik, Mohamad Suyuti Tamis berkata, seorang ibu tunggal bersama enam anak dan menantunya terpaksa diselamatkan orang kampung setelah rumahnya dinaiki air sehingga ke paras bumbung.

“Keluarga Nuriah Mohammad, 58, diselamatkan orang kampung

BATANG KALI - Lebih 3,000 penduduk dalam Mukim Batang Kali dan Mukim Hulu Yam terjejas teruk akibat banjir buruk yang melanda lebih 14 perkampungan di kawasan itu semalam.

Pegawai Daerah Hulu Selangor, Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, kejadian yang bermula kira-kira jam 4.30 pagi itu memaksa penduduk di kawasan paling teruk terjejas dipindahkan ke pusat pemindahan berdekatan.

"Kawasan paling teruk terjejas ialah di Kampung Genting Malik di mana air mencecah paras bumbung.

"Keadaan tidak selamat ini turut memaksa pasukan penyelamat diketuai Bomba dan Penyelamat Kuala Kubu Bharu, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), polis dan Rela memindahkan sementara



NOR HISHAM

mangsa ke kawasan lebih selamat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Nor Hisham yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bencana Alam Daerah Hulu Selangor berkata, kejadian itu turut mengakibatkan jalan utama Kuala Lumpur-Ipoh bermula Masjid Al Ubudiah, Batang Kali hingga ke



MOHD ISA

Pusat Pertanian Batang Kali terputus hubungan setelah dilimpahi air Sungai Batang Kali.

Menurutnya, kawasan lain yang terlibat banjir adalah Jalan Batang Kali, Kuarters Pusat Haiwan, Kampung Masjid, Kampung Sekolah, Kampung Tengah, Kampung Seri Cahaya, Kampung Sentosa, Kampung Sungai Masin dan Kampung Kuantan dalam Mukim Batang Kali.

Katanya, kampung terlibat dalam Mukim Hulu Yam adalah Lorong Haji Nordin, Kampung Hulu Kalong, Kampung Batu 30 dan Kampung Hulu Yam Bharu.

Nor Hisham berkata, tiga pusat pemindahan disediakan iaitu Surau Batu 30, Hulu Yam Lama, Dewan Orang Ramai, Kampung Pasir, Hulu Yam dan Dewan Orang Ramai, Batang Kali.

Menurut beliau, Sekolah Kebangsaan Batang Kali turut ditutup kerana dinaiki air dan terdapat kejadi-

DALAM pada itu, Adun Batang Kali, Datuk Mohd Isa Abu Kasim berkata, beliau akan meneliti dua aspek utama berkaitan sungai dan sistem perparitan yang dilihat menjadi antara punca kejadian banjir buruk itu.

Menurutnya, pemantauan berkala dan penyelenggaraan berterusan perlu dilakukan bagi mengelak kejadian sama berulang.

"Agensi berkaitan perlu sentiasa memantau Sungai Batang Kali termasuk melakukan operasi pembersihan dasar serta permukaan sungai.

"Sistem perparitan di kawasan perumahan seperti Taman Seri dan Batu 30 juga perlu diselenggara kerana kawasan ini paling mudah dinaiki air," katanya yang ditemui ketika mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Bencana Banjir di pejabatnya.

Beliau berkata, sukarelawan terdiri daripada Puteri Umno, Wanita Umno, pertubuhan belia bersama

58, diselamatkan orang kampung menggunakan tali setelah mereka tersangkut di tengah-tengah banjir.

"Dia bersama anak dan menantunya menaiki bumbung sejak jam 6.30 pagi setelah rumah mereka dinaiki air dan arus sungai meranap serta menghanyutkan barangan rumah mereka," katanya.

INFO

Kampung terjejas:-

MUKIM BATANG KALI
Jalan Utama KL-Ipoh
Jalan Batang Kali
Kuarters Pusat Haiwan
Kampung Masjid
Kampung Sekolah
Kampung Tengah
Kampung Seri Cahaya
Kampung Sentosa
Kampung Sungai Masin
Kampung Kuantan
Kampung Genting Malik

MUKIM HULU YAM
Lorong Haji Nordin
Kampung Hulu Kalong,
Kampung Batu 30
Kampung Hulu Yam Bharu



Aktiviti harian penduduk terkandas berikutan kejadian banjir, semalam.



Sebuah kereta dan motosikal yang ditenggelami air di Kampung Sentosa.